



GARIS PANDUAN LESEN PEMBANGUNAN KEDIAMAN-PEJABAT (SOHO)

1. Kebenaran Perancangan skim kediaman - pejabat merupakan kelulusan Kebenaran Perancangan sementara. Kelulusan Kebenaran Perancangan akan ditarik balik sekiranya pembangunan tersebut memberi kacau ganggu kepada jiran.
2. Saiz setiap unit kediaman untuk kediaman - pejabat tidak melebihi 2,000 kp.
3. Pemilik perlu memastikan aktiviti-aktiviti perniagaan tidak memberi kacau ganggu kepada jiran-jiran bersebelahan ataupun kawasan kejiranan kediaman.
4. Aktiviti perniagaan seharusnya tidak mengeluarkan bunyi, asap, bau & habuk dan penggunaan kenderaan yang memberi kacau ganggu kepada kawasan jiran.
5. Kegunaan sebagai gudang dan kegunaan bahan binaan yang merbahaya tidak dibenarkan.
6. Bilangan pekerja yang dibenarkan adalah seramai 3 orang sahaja untuk setiap unit skim kediaman-pejabat.
7. Kelulusan Kebenaran Perancangan sementara akan diberi dalam tempoh masa selama 3 tahun dan pemohon perlu mengemukakan permohonan lanjutan selepas tamat tempoh.
8. Papan iklan perniagaan boleh dibenarkan dan pelan mengikut garis panduan yang ditetapkan.
9. Semua keperluan aspek keselamatan perlu diambil kira untuk memastikan aktiviti tersebut tidak memberi kemudaratan kepada jiran bersebelahan.
10. Pemohon juga perlu mematuhi kehendak keperluan agensi-agensi teknikal yang lain seperti Bomba, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendidikan ataupun jabatan-jabatan berkaitan.
11. Pengiklanan ataupun pemasangan poster terhadap perniagaan tidak dibenarkan dan aktiviti-aktiviti yang boleh memberi kesan sampingan kepada orang awam tidak dibenarkan.
12. Penggunaan elektrik mesti tidak melebihi daripada penggunaan purata unit-unit kediaman biasa.